

Kerajaan akan pesatkan rumah guru di desa

26 APR 1975
KENINGAU (Sabah), Jumaat.

KEMENTERIAN Pelajaran merancang akan mengutamakan projek perumahan bagi guru-guru di kawasan luarbandar, demikian ditegaskan oleh Dr. Mahathir Mohamed hari ini.

"Jika kedudukan kewangan dan keutamaan ini mengizinkan rumah guru akan disediakan di kawasan-kawasan tertentu,"

katanya.

"Kerajaan sedar tentang kesukaran rumah sewa di kawasan luarbandar," tambah beliau.

Dr. Mahathir berucap dalam majlis perjumpaan guru-guru di sini malam ini.

Katanya, masalah kekurangan rumah berlaku di mana-mana saja di negara ini dan merupakan kerumitan amat besar yang sukar diatasi termasuk oleh guru-guru.

Beliau menyebutkan di Sabah keadaan paling buruk ialah di Kota Belud, Kudat, Sempurna dan Labuan.

"Ini menimbulkan kerumitan dalam penukaran guru-guru ke daerah-daerah itu," katanya.

Kemudahan

Menteri itu sedang melawat empat hari ke Saioah untuk meninjau kegiatan dan kemajuan pelajaran serta usaha Kerajaan mengimbangkan taraf kehidupan golongan penduduk menerusi pelajaran.

Beliau berkata, menurut sistem sekarang guru-guru tidak disediakan kemudahan rumah, tetapi mereka dikehendaki membayar 10 peratus dari gaji bersih jika menduduki rumah Kerajaan.

"Masaalah mencari rumah sebenarnya ialah masaalah guru itu sendiri

kerana elaan sewa rumah telah dimasukkan dalam jumlah gaji mengikut Skim Aziz.

"Bagaimanapun masalah ini tidak dibiarakan begitu saja."

"Kerajaan ada juga membina rumah-rumah untuk guru-guru, tapi pembinaannya tidaklah mendapat keutamaan."

"Yang mendapat keutamaan ialah pembinaan sekolah-sekolah di luarbandar," katanya.

Jadi ejen

"Oleh kerana rumah sewa di kawasan luarbandar sukar didapati, Kementerian Pelajaran terpaksa menyemak semula perkara tersebut," kata Dr. Mahathir.

Beliau seterusnya menggesa guru-guru luarbandar menjadi ejen utama menyebarkan dengan tepat dasar dan rancangan Kerajaan termasuk bidang pelajaran dan usaha-usaha pembangunan negara.

Guru-guru di luarbandar ialah tenaga utama Kerajaan, katanya.

Dr. Mahathir juga menggesa guru-guru menyesuaikan diri dengan adatsesam dan kehidupan masyarakat setempat kerana persafahaman dan kerjasama antara guru dan penduduk perlu bagi memajukan pelajaran anak-anak.